

08 MAR 2000

Umno-Razaleigh

RAZALEIGH NAFI MEMANGGIL SIDANG BERITA MENGENAI PENCALONAN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Pengerusi Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah menafikan memanggil sidang berita hari ini untuk mengumumkan keputusan beliau bertanding bagi satu jawatan tertinggi pada pemilihan Umno Mei ini.

Pembantu Tengku Razaleigh, Ahmad Shabery Chik, hari ini berkata tidak ada sidang berita seperti yang dilaporkan oleh The Sun itu dirancangan.

"Saya tidak tahu bagaimana akhbar berkenaan memperolehi maklumat itu. Saya telah menerima banyak panggilan sejak pagi ini, dan dukacita dinyatakan Tengku (Razaleigh) tidak akan memberi sebarang sidang berita hari ini," katanya kepada sekumpulan wartawan di luar kediaman Tengku Razaleigh di Jalan Langgak Golf, di sini, tengah hari ini.

Laporan akhbar berbahasa Inggeris itu telah mendorong ramai wartawan termasuk dari agensi-agensi berita asing untuk menunggu di luar kediaman Tengku Razaleigh.

Ahmad Shabery juga menafikan laporan akhbar yang sama yang menyatakan bahawa Tengku Razaleigh akan mengadakan kenduri untuk para penyokongnya, yang dijangka hadir selepas beliau mengumumkan keputusannya untuk bertanding pada pemilihan parti itu.

"Itu seolah-olah beri gambaran tak baik terhadap Tengku. Kita terkejut ada pihak cuba beri gambaran seolah-olah Tengku nak beri makan kepada para penyokongnya," katanya.

Ahmad Shabery menjelaskan bahawa Tengku Razaleigh sering mengadakan majlis tahlil untuk arwah kakaknya dan jadual biasa majlis itu ialah pada malam Khamis di kediaman beliau di sini dan pada malam Jumaat di Kelantan.

"Oleh kerana laporan akhbar itu, Tengku terpaksa membatalkan majlis tahlil malam ini kerana takut disalah anggap," katanya.

Ditanya sama ada Tengku Razaleigh akan tetap membuat kenyataan mengenai pencalonannya pada pemilihan parti itu, Ahmad Shabery berkata: "Tunggulah, tetapi bukan hari ini."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno pada Isnin lepas berkata bahawa Tengku Razaleigh perlu mengisytiharkan awal sama ada beliau akan bertanding atau tidak pada pemilihan parti itu.

-- BERNAMA

AFY NAK